



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Pejabat Pendidikan Daerah Hilir Perak
Jabatan Pendidikan Negeri Perak
Jalan Maharajalela
36000 Teluk Intan
Perak Darul Ridzuan

Telefon : 05-6221970

Faks : 05-6231971

Portal : <http://jpnperak.moe.gov.my/ppdhilirperak>

Ruj Kami : PPD. HIP. 100 – 3 / 4 / 4 JLD. 5 (5)

Tarikh : 17 Januari 2019

Semua Pengetua dan Guru Besar,
Sekolah Menengah dan Sekolah Rendah
Daerah Hilir Perak,

Tuan / Puan,

**KEMUDAHAN PERLINDUNGAN INSURANS KESIHATAN KEPADA PEGAWAI
PERKHIDMATAN AWAM YANG BERADA DI LUAR NEGARA ATAS URUSAN PERSENDIRIAN**

Dengan segala hormatnya, merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman, kemudahan perlindungan insuran kesihatan yang disediakan oleh kerajaan kepada pegawai Perkhidmatan Awam yang berada di luar negara / negara ketiga atas urusan persendirian melalui Syarikat Takaful Malaysia Berhad di bawah Takaful My Ar-Rehlah telah tamat tempoh pada **31 Disember 2018**.

3. Sehubungan itu, bagi memastikan kesinambungan kemudahan ini kepada pegawai Perkhidmatan Awam tidak terjejas semasa proses peralihan dan pelantikan syarikat penanggung insuran yang baharu, mulai **1 Januari 2019 sehingga satu tarikh yang akan diumumkan kelak**, pegawai Perkhidmatan Awam yang akan keluar negara atas urusan persendirian boleh menggunakan kemudahan perlindungan insurans kesihatan mengikut peraturan-peraturan seperti dalam surat Pekeliling Perkhidmatan Awam JPA(S) 187/20 Jld.18 (2) bertarikh 16 Januari 2019.

4. Kerjasama pihak tuan/puan dipohon untuk memanjangkan perkara ini kepada anggota bawahan tuan/puan.

Sekian dimaklumkan, Terima kasih

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(HJ. MOHAMED SHAFIE BIN ABD KARIM, PPT)

Pegawai Pendidikan Daerah,
Pejabat Pendidikan Daerah Hilir Perak

- PPD HILIR PERAK SENTIASA CEMERLANG -